



ANDALUS CORPORATION PTE LTD

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2005

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & II, ADMIRALTY

NAMA : _____

MATA PELAJARAN : **SIRAH**

KBK : **4**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **6** muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah **1** jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.
4. Pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
5. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

MARKAH		
A	20	
B	20	
C	20	
D	20	
	80	
Tanda Tangan Pemeriksa _____		
Tanda Tangan Waris _____		

KBK 4 / SIRAH

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Pilih jawapan yang tepat dan isikan di dalam kurungan yang disediakan.

SIRAH

1. Penduduk Madinah terdiri daripada dua suku bangsa Arab iaitu Aus dan _____.
a) Muttalib
b) Khazraj
c) muhajirin ()
2. Penghijrahan kaum muslim ke Madinah menjadikan Islam semakin _____.
a) maju
b) derita
c) berkurang ()
3. Nabi Muhammad s.a.w. mengetahui rencana orang Quraisy melalui _____.
a) Jibril
b) Abu Bakar
c) Israfil ()
4. Abdullah bin Ubai adalah ketua daripada kaum _____.
a) Quraisy
b) munafikin
c) musyrikin ()
5. Nabi Muhammad s.a.w. membuat perjanjian keamanan dengan orang _____.
a) Yahudi
b) Arab
c) Madinah ()

AKHLAK

6. Kerana kejujurannya, nabi Muhammad s.a.w. diberi gelaran _____.
a) As-Sidiq
b) Al-Amin
c) Fathonah ()

7. Lawan bagi sifat kasar adalah _____.
- a) lemah
b) lambat
c) lembut ()
8. Erti berkhianat adalah _____ hak orang lain.
- a) menjaga
b) menyimpan
c) merosakkan ()
9. Sebuah masyarakat yang bersatu padu akan _____.
- a) bercerai-berai
b) maju dan kuat
c) bertolak ansur ()
10. Hari Raya _____ seerti dengan Hari Raya Puasa.
- a) Aidiladha
b) Aidilfitri
c) Zulhijjah ()

BAHAGIAN B (20 MARKAH)

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul dan (×) pada jawapan yang salah.

SIRAH

1. Perjanjian taat dan setia dilakukan di kota Quba. ()
2. Aminah adalah orang Quraisy yang selalu mendukung dakwah Islam. ()
3. Para pemuda berniat untuk membunuh nabi dengan membawa panah. ()
4. Solat Jumaat yang pertama kali dilakukan di Madinah. ()
5. Masjid Nabawi terletak di kota Mekah. ()

AKHLAK

6. Kebiasaan suka bergaduh adalah perangai yang baik. ()
7. Lembut adalah sifat yang terpuji. ()
8. Orang yang murah hati akan dibenci orang ramai. ()

9. Dengan bertolak ansur akan terjalin keharmonian hidup. ()
10. Menuduh orang lain adalah sifat yang baik. ()

BAHAGIAN C (20 MARKAH)

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

baiatul	mengantuk	mengelakkan	bersatu padu	amanah
Quba	dibenci	keamanan	haji	bertolak ansur

SIRAH

1. Ramai orang Madinah datang ke Mekah pada musim _____.
2. Perjanjian setia lebih dikenal dengan nama _____ Aqabah Pertama.
3. Allah menyelamatkan Nabi s.a.w. dengan menjadikan mata para pemuda _____.
4. Sebelum tiba di Madinah nabi s.a.w. melewati kampung bernama _____.
5. Nabi s.a.w. membuat perjanjian _____ dengan orang Yahudi.

AKHLAK

6. Kita perlu _____ perkara yang menyebabkan kita bergaduh.
7. Kita dilarang bersifat kasar kerana ia akan menyebabkan kita _____.
8. Erti al- Amin adalah orang yang _____.
9. Pergaduhan mudah berlaku daripada orang yang tidak _____.
10. Bekerjasama dan tolong menolong dalam menyelesaikan masalah bersama adalah erti dari _____.

BAHAGIAN D (20 MARKAH)

Pilih 5 soalan sahaja daripada 8 soalan berikut, kemudian jawab di tempat kosong yang telah disediakan

SIRAH

1. Apakah pendapat Abu jahal dalam mesyuarat yang diadakan oleh orang Quraisy ?

2. Apakah pertolongan dari Allah untuk menyelamatkan Nabi s.a.w. di Gua Tsaur?

3. Kenapa Kota Madinah di anggap sebagai tanah haram kedua? Berapa banyak pahala bagi orang yang solat di masjid Nabawi?

4. Siapakah kaum munafikin? Berapa ramai kaum munafikin?

AKHLAK

5. Apakah erti berbohong? Apakah akibatnya jika kita berbohong?

6. Apakah balasan bagi orang yang berkhianat? Berikan 2 cara menjadi seorang yang amanah.

7. Apakah erti murah hati? Apakah balasan yang akan diterima bagi orang yang murah hati?

8. Kenapa kita dilarang berburuk sangka? Bagaimana cara kita untuk menghindari berburuk sangka.

☞ Semoga Berjaya ☜